

o u

GEMPAK.

WEEKLY EDITION



'BERANI MATI' CARA

KAKKM

KAK KM



Sering kali melihat keperibadian usahawan sensasi, Liana Rosli di media sosial, ramai yang mungkin menganggapnya seorang yang tegas dan tidak mudah terpengaruh dengan kata-kata.

Namun, pepatah Inggeris ada benarnya; "Don't judge a book by its cover".

Ternyata, Kak KM penuh dengan aura positif dan mesra didekati, jauh bezanya daripada apa yang disangka.

Malu Berlakon

Di sebalik personaliti lantangnya di media sosial, Kak KM mendedahkan bahawa dia sebenarnya seorang yang pemalu dan itulah sebabnya dia tidak mengikut jejak langkah ibunya, Normah Damanhuri, sebagai pelakon.

"Saya seorang yang pemalu sebenarnya, sebab itu saya tak jadi pelakon. Saya hanya berlakon depan anda semua sahaja. Itu pun sebab saya lakukan secara spontan sahaja, jadi secara jujurnya saya sebenarnya memang seorang yang pemalu," ujarnya ringkas.

Tak Pernah Berangan

Kak KM berpegang pada prinsip tidak pernah mahu bermewah dalam hidup, bermula hanya mahu memberikan keselesaan buat anak-anak.

"Daripada saya miskin saya tidak pernah mempunyai impian, saya tak pernah nak ada keinginan mempunyai rumah besar, barang kemas mahal dan sebagainya. Jadi bila saya bermula saya tak pernah stress."

"Tapi niat saya mencebur bidang perniagaan adalah untuk memberikan keselesaan kepada mereka. Tidak pernah memasang niat untuk memiliki kemewahan tapi apa yang Allah berikan kepada saya sekarang sangat saya bersyukur," katanya.

Bagi Kak KM, kejayaan datang bila hubungan dengan keluarga terjaga dan kejujuran dalam bermula menjadi kunci utama.

Lantaklah Kena Kecam

Dengan strategi pemasaran yang berani dan 'seksi', Kak KM tidak kisah setiap kali berdepan kecaman netizen.

"Kalau orang kecam, maksudnya mereka tahu kewujudan kita, kenal produk kita. Saya okay je! Yang penting saya cari rezeki halal, jadi lantaklah apa orang nak kata," tegasnya.

Bermula dari bawah, Kak KM membina empayar perniagaannya sendiri dalam bidang kecantikan dan kesihatan menggunakan pelbagai strategi pemasaran bersifat agresif, berani dan kontroversi. - ASYRAF ROSLAN

Tak Lokek! Hadiah-Hadiah 'Kayangan' Kak KM Buat Keluarga

Dikenali dengan gaya pemasaran yang berani mati, Kak KM atau Liana Rosli bukan sekadar usahawan sensasi bahkan seorang yang sangat mementingkan keluarga.

Nak tahu hadiah-hadiah mewah yang pernah diberikan oleh Kak KM kepada insan tersayang? Jom tengok senarai ni!

1. Beli Rumah Untuk Setiap Anak

Kak KM pernah mencuri perhatian netizen apabila menghadiahkan sebuah rumah kepada anak ketiganya, Rania. Momen istimewa itu dikongsi menerusi video TikTok yang memperlihatkan keluarganya teruja meninjau rumah baru mereka.

Bukan itu sahaja, sebelum ini anak sulungnya, Nabila dan anak keduanya, Faris juga menerima rumah masing-masing —menjadikan setiap anaknya sudah memiliki kediaman sendiri sejak muda lagi!

2. Mercedes & Cek RM10,000 Ganjaran SPM!

Sebagai tanda penghargaan, anak lelaki Kak KM menerima sebuah kereta Mercedes Benz selepas memperoleh 6A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)!


Selain kereta mewah, Kak KM turut menghadiahkan wang tunai sebanyak RM10,000 kepada anaknya itu.

3. Hadiah Bernilai untuk Ibu Tercinta

Bukan sahaja anak-anak, ibu tersayang, Normah Damanhuri, juga menerima kejutan istimewa daripada Kak KM!

2023: Hadiah dua utas gelang emas (setiap satu seberat 40 gram) sempena hari lahir ke-70!

2022: Hadiah sebuah kereta sebagai kejutan hari lahir!



Lakukan Jenayah Sesuka Hati, Jaga-Jaga Ada Live & CCTV Yang Memerhati

Dalam dunia moden, teknologi seperti CCTV banyak membantu pengawasan dan keselamatan. CCTV atau Closed Circuit Television membolehkan pemilik memantau aktiviti di premis mereka.

Kebelakangan ini, rakaman CCTV di pusat beli-belah dan kedai telah merakam aksi jenayah secara tidak sengaja, membantu pihak berkuasa dalam siasatan.

Berikut adalah tiga kes jenayah terkini yang tertangkap melalui CCTV atau siaran langsung orang awam.

1.

Ibu Pukul Anak Sehingga Cedera

Seorang ibu ditahan selepas rakaman CCTV menunjukkan dia memukul anak perempuannya berusia empat tahun di hadapan pasar raya di Jejawi, Arau.

Mangsa mengalami luka berjahit di kening kanan akibat terhantuk pada bucu bangku. Kes disiasat di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

2.

Tampar Isteri Lambat

Seorang lelaki menampar isterinya di pusat beli-belah dirakam secara 'live' di media sosial, menyebabkan dia ditahan selepas laporan dibuat oleh adik mangsa.


Kes disiasat di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan & Seksyen 18 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

3.

Tembak Mati Depan Restoran

CCTV di sebuah restoran di Taman Setia Indah, Johor Bahru merakam seorang lelaki menembak mangsa berusia 40 tahun dari jarak dekat.

Suspek berpakaian serba hitam terus melepaskan beberapa das tembakan sebelum mlarikan diri. Mangsa meninggal dunia dengan empat kesan tembakan. - MALIAH SURIP





Turut Berduka, Bayi Pemain Bola Sepak Hebat Negara Meninggal Dunia

Rezeki, ajal dan maut adalah ketentuan Tuhan. Sebagai manusia, kita perlu reda meskipun kehilangan insan tersayang bukan perkara mudah.

Tiga pemain bola sepak negara berkongsi pengalaman duka apabila anak mereka pergi terlebih dahulu, meninggalkan kesedihan yang mendalam.

Al-Fatihah buat anak-anak syurga ini, dan salam takziah kepada keluarga mereka. - MALIAH SURIP

Zaquan Adha & Ayu Raudhah



Pasangan Zaquan Adha dan Ayu Raudhah masih dalam kesedihan selepas kehilangan anak bongsu mereka, Muhammad Aisy Al Raees, yang meninggal dunia pada 11 Februari 2025 pada usia enam bulan.

Berita duka itu disampaikan oleh Zaquan menerusi Instagram Story, namun punca kematian tidak diperincikan. Mereka sebelum ini dikurniakan enam cahaya mata sejak berkahwin pada 2011.

Nazmi Faiz & Yasmin



Pada Januari 2025, pemain bola sepak Nazmi Faiz Mansor dan isterinya, Yasmin, kehilangan anak kedua mereka, Maira Maliyqa, beberapa jam selepas dilahirkan. Perkongsian berita ini dibuat menerusi Insta Story.

Pasangan ini berkahwin pada 2017 dan mempunyai seorang anak sulung, Maria Miqayla.

Syafiq Ahmad & Nur Amalina



Pada 2020, pemain bola sepak Syafiq Ahmad kehilangan bayi lelakinya yang baru berusia 22 hari selepas terlibat dalam kemalangan di Lebuhraya PLUS.

Kemalangan itu turut meragut nyawa ibu mertua dan seorang wanita lain.

Syafiq mengalami kecederaan ringan, sementara isterinya, Nur Amalina Nur Ain, cedera parah.

Kehilangan anak merupakan dugaan berat, namun ketiga-tiga keluarga ini tabah menghadapi ujian tersebut.

GEMPAK SINEMA



Pengarah: Ruslan Akun
Pelakon: Emil Esenaliev, Anarkul Nazarkulova, Bolot Tentimyshov
Genre: Drama

Di sebuah kampung terpencil di Kyrgyzstan, Adil yang berusia 35 tahun tetapi memiliki pemikiran seperti kanak-kanak berusia 8 tahun, tinggal bersama ibunya yang sudah tua, Rayhan. Sejak kecil, ibunya selalu memberitahunya bahawa dia sangat dikasih oleh Tuhan dan ditakdirkan untuk ke Syurga. Namun, Adil enggan pergi tanpa ibunya. Setelah mendengar daripada rakannya yang lebih muda bahawa menunaikan haji ke Mekah dengan berjalan kaki boleh menjamin tempat untuk ibunya di Syurga, Adil memutuskan untuk memulakan perjalanan itu.



Pengarah: Azhar Kinol Lubis
Pelakon: Erika Carlina, Emir Mahira
Genre: Seram

Echa dan Ariel telah berkahwin selama tiga tahun. Dalam perkahwinan mereka yang masih muda, hubungan mereka semakin tegang dan dingin. Echa berasa lebih selesa dalam mimpi mereka, di mana dia sering bertemu dengan seorang lelaki tampan yang sentiasa membuatnya bahagia. Namun, tanpa disedarinya, kejadian aneh dalam mimpi mereka mula memberi kesan langsung kepada realiti.

Lelaki dalam mimpi Echa sebenarnya adalah jelmaan Jin Dasim, makhluk yang memiliki misi untuk menghancurkan perkahwinan, terutamanya wanita yang ingin dimilikinya sepenuhnya. Ketika Echa dan Ariel perlahan-lahan cuba berdamai, Jin Dasim mula menyerang mereka bukan sahaja di alam mimpi tetapi juga di dunia nyata.

Kini, Echa dan Ariel mesti mencari jalan keluar untuk menyelamatkan Echa daripada ikatan gelap yang selama ini menghantuiinya.



Pengarah: Julius Onah
Pelakon: Anthony Mackie, Danny Ramirez, Xosha Roquemore
Genre: Aksi/Adiwira

Anthony Mackie kembali sebagai Sam Wilson, wira yang kini secara rasmi menyandang gelaran Captain America. Selepas bertemu dengan Presiden Amerika Syarikat yang baru dilantik, Thaddeus Ross, Sam mendapati dirinya terperangkap dalam satu insiden antarabangsa.

Kini, dia mesti membongkar rahsia di sebalik konspirasi global berbahaya sebelum dalang sebenar membuat seluruh dunia berada dalam keadaan huru-hara.

Kasih Iris Leona, Pok Ro, Erysha Emrya Dominasi Carta Semasa Top 5 GMWA 2024!

Pempengaruh yang juga anak kepada selebriti Azhar Sulaiman, Kasih Iris Leona mengungguli kategori Digital Creator Entertainment Tergempak dalam carta semasa Gempak Most Wanted Awards 2024.

Undian diikuti rapat oleh Shah Zakaria, Ryan Bakery, Steph Beauty dan Acap S.

Manakala, kategori Digital Creator (Foodie) Tergempak 2024 didominasi oleh Capikkkk diikuti Khairul Aming dan Syiqin Azrin.

Lagu Sangkar Derita nyanyian Haqiem Rusli pula merangkul tempat pertama Digital Creator (Lagu/Audio) Tergempak 2024 diikuti Alahai (Ezra Kairo) dan Cinta Tak Pernah Tepat Waktu (Aina Abdul ft Fabio Asher).

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda!

Undian fasa kedua atau pemenang utama bagi setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi www.gempakmostwantedawards.com bermula 15 Januari 2025, jam 6 petang sehingga 23 Februari 2025, jam 12 tengah hari.

Mengekalkan format yang sama, pemenang setiap kategori akan diumumkan pada malam anugerah GMWA 2024 kelak.

GMWA 2024 bakal berlangsung secara LIVE pada 23 Februari 2025 dari Auditorium MBSA, Shah Alam, eksklusif di saluran Astro Ria (104), On Demand, Astro GO dan sooka.



Semak kedudukan terkini Top 5 GMWA 2024:

KEDUDUKAN TERKINI DIGITAL CREATOR (ESPORTS) TERGEMPAK 2024

1. Pok Ro
2. Zulfikar Obot
3. Kambing Golek
4. King Yonnz
5. Thanuk Nukk

KEDUDUKAN TERKINI DIGITAL CREATOR (LIFESTYLE) TERGEMPAK 2024


1. Afie
2. Nor Padilah
3. Fikri Zamri
4. Amin Abid
5. Rasyidinneedyou

KEDUDUKAN TERKINI DIGITAL CREATOR (LAGU/AUDIO TERGEMPAK) TERGEMPAK 2024

1. Sangkar Derita - Haqiem Rusli
2. Alahai - Ezra Kairo
3. Cinta Tak Pernah Tepat Waktu - Aina Abdul fr Fabio Asher
4. Angau - Fahimi Rahmat
5. "Sabar, nape tak sabar ni?" - Pipija

KEDUDUKAN TERKINI DIGITAL CREATOR (ENTERTAINMENT) TERGEMPAK 2024

1. Kasih Iris Leona
2. Shah Zakaria
3. Ryan Bakery
4. Steph Beauty
5. Acap S



Kenapa Liza Aziz Selayaknya Bergelar Juara GV11?



Kemenangan Liza Aziz di Gegar Vaganza musim ke-11 (GV11) menepati ramalan ramai sejak beliau mula melangkah masuk ke pentas pertandingan itu beberapa bulan lalu.

Prestasi konsisten sepanjang bertanding dan pengalaman bertahun-tahun dalam industri muzik tidak dapat disangkal lagi gelaran juara itu.

Sabtu minggu, Liza memberikan persembahan vokal yang mantap, penuh emosi dan bertenaga untuk terus menambat hati juri, Datuk Ramli MS, Hetty Koes Endang dan Datuk Syafinaz Selamat.

Di pentas akhir GV11, Liza mendapat markah sebanyak 77.89 peratus daripada juri tetap, menerusi persembahan tiga buah lagu; I Surrender, Cinta (duet bersama Krisdayanti) dan Angkat pada pusingan Battle Vaganza.

Kekuatan Liza dalam GV11 dilihat pada teknik dan pengawalan vokalnya yang luar biasa. 'Belting' Liza kemas bijak memilih lagu terutama pada pentas akhir menerusi I Surrender (Celine Dion) yang berjaya menyerlahkan kekuatan vokalnya.

Keyakinan dan pengalaman Liza yang sudah lama dalam industri juga menjadi kekuatannya untuk mengawal pentas dengan hemat.

Berikut juga keputusan penuh GV11 dan sedikit analisis ringkas tentang keunikan, kekuatan dan kepelbagaiannya genre masing-masing.

Juara - Liza Aziz: Dominasi pentas dengan persembahan penuh kawalan dan sarat emosi.

Naib Juara - Ning Baizura: Punya kekuatan low note dan vokal khasnya yang tersendiri.

Tempat Ketiga - Sheila Abdull: Persembahan konsisten setiap minggu dan penuh penghayatan jiwa.


Tempat Keempat - Dyrga Dadali: Sentiasa tampil dengan kejutan dan kemampuan persembahan yang luar biasa.

Tempat Kelima - Zehra Zambri: Berani menampilkan keunikan, lari daripada identiti asalnya yang sinonim dengan genre irama tradisional.

Tempat Keenam - The Lima: Kumpulan ini berjaya memikat penonton dengan karisma di pentas. - AMRI HASSAN



Hanyut Dalam Memori 20 tahun 6ixth Sense!



Konsert 6ixth Sense Hori2ontal yang berlangsung di Zepp Kuala Lumpur menjadi malam penuh kenangan buat 2,500 peminat yang hadir. Merupakan sambutan ulang tahun ke-20 kumpulan ini, konsert tersebut berlangsung sarat dengan nostalgia.

Kumpulan yang turut dianggotai oleh Adi Priyo (vokalis), Gjie & Athan (gitar), serta Ayoy (bass) memulakan persembahan dengan lagu 'Hikayat Cinta', diikuti lagu-lagu hits seperti 'Tremendous', 'Semanis Cinta', dan 'Berjanjilah' yang mengundang 'sing along' daripada peminat.

Segmen santai dengan lagu 'Tanpa', 'Maafkan Ku', dan 'Flower' memberikan nuansa lebih intim, membawa peminat mengimbau zaman kegemilangan mereka. Malam diteruskan dengan lagu-lagu popular seperti 'Menyesal', 'Pemilik Hati', 'Sepi', dan 'Tak Bisa Memilihmu', sebelum ditutup dengan '7 Kali Malam Minggu', 'Yang Sempurnakan Ku', dan 'Hari Ini dan Semalam'.

Hattan, Hazama & Black Gegarkan Konsert Hitam Manis

Tiga penyanyi hebat, Datuk Hattan, Hazama dan Black Hanifah, menghidupkan Konsert Hitam Manis di Plenary Hall, KLCC, dengan persembahan bertenaga yang memukau 2,500 penonton. Konsert berdurasi tiga jam ini menampilkan 23 lagu penuh nostalgia.

Antara momen istimewa, Black Hanifah menyanyikan PokPet bersama anaknya, Khaleef Dayyan dan Hazama pula mendendangkan lagu Umi sebagai penghormatan buat ibunya yang hadir.

Sementara itu, Hattan menghangatkan suasana dengan lagu-lagu hitnya seperti Biso Bonar dan Rendang Tak Berubah serta memberikan penghormatan kepada Allahyarham Jay Jay.

Sebagai penutup, trio ini berkolaborasi dalam lagu-lagu seperti Duit, Rindu Bertandang Lagi, dan Hitam Manis, yang digubah lebih moden oleh anak Hattan, Adam E.





Mad Noor

@dodosentoso

Ujian Darah 'Bocorkan Rahsia' Kesihatan Anda!

Ujian darah bukan sekadar angka, ia mencerminkan kesihatan anda.

Seorang lelaki 35 tahun yang berasa sihat mendapati HbA1c miliknya 6.4%, menandakan pra-diabetes. Ini membuktikan masalah kesihatan boleh tersembunyi tanpa gejala.

Ketahui beberapa ujian penting yang boleh memberi gambaran sebenar tentang kesihatan anda!

1. HbA1c - Paras Gula & Risiko Diabetes

Ujian ini mengukur purata gula dalam darah selama tiga bulan. Jika tinggi, ia petanda awal diabetes, walaupun anda berpuasa sebelum ujian.

2. hsCRP - Tanda Keradangan dalam Badan

Ujian ini mengesan keradangan kronik, yang boleh meningkatkan risiko penyakit jantung dan strok. Jika bacaan melebihi 3.0 mg/L, anda perlu lebih berjaga-jaga!

3. Kortisol - Penanda Stres Berlebihan



Stres berpanjangan boleh menyebabkan kortisol tinggi, membawa kepada keletihan melampau dan 'burnout'. Jika anda mudah letih dan emosional, ujian ini patut dipertimbangkan.

4. Lipid Panel - Cerminan Gaya Hidup Anda

Seorang lelaki 28 tahun terkejut apabila paras LDL dan triglycerida tinggi akibat pemakanan tidak sihat. Ujian ini menunjukkan risiko penyakit jantung, bergantung pada tahap kolesterol baik dan jahat anda.

Kesihatan di Tangan Anda!

Keputusan ujian darah adalah amaran awal. Jika belum melakukan tahun ini, mungkin sudah tiba masanya sebelum tubuh anda 'membocorkan rahsia' yang tidak disedari!



X -



< [] >

Solo Ride From Selangor To Makkah

A Malaysian cyclist has embarked on a solo journey from Selangor to Makkah. The trip, covering thousands of kilometers, is expected to take several months.

The cyclist aims to raise awareness for a charitable cause and inspire others through this challenging endeavor.

This journey highlights the cyclist's determination and commitment to both personal faith and community service.



X -

Love Rekindled, Couple Remarries After Visiting Spouses' Graves

A widow and a widower, both grieving the loss of their spouses, met by chance while visiting their late partners' graves.

What started as brief conversations during their visits gradually turned into a meaningful friendship as they shared their emotions, memories and experiences of loss.

Over time, their bond grew stronger, and they realized they had found comfort and happiness in each other. Eventually, they decided to remarry, proving that love can bloom even in the most unexpected places.

< [] >



< [] >

World's First Recycled Lion Dance Costume

A Malaysian couple has innovatively crafted the world's first recycled lion dance costume, showcasing their commitment to sustainability and cultural preservation.

By repurposing discarded materials, they have not only reduced waste but also breathed new life into a traditional art form.

Read more at www.rojakdaily.com.